



River of Life

Pasar Seni

SEP 29, 2022 2,333 BACAAN

TAG

[Penginapan](#)

[Te](#)

[Beli Belah](#)

[Akti](#)

Taman Tasik Titiwangsa



Oleh **ROL ADMIN**
Jul 13, 2022 5 minit bacaan

GALLERI



CATATAN POPULAR

Dataran Merdeka

OGS 04, 2022 13,602 BACAAN

Taman Tasik Titiwangsa

JUL 13, 2022 11,371 BACAAN

MASA LAPANG



[Abdi](#)

[IACAA](#)

[TUI \(R\)](#)

Taman Tasik Titiwangsa yang terletak di Jalan Kuantan merupakan sebuah kawasan riadah yang terletak di timur laut Kuala Lumpur mempunyai sebuah taman di tepi tasik dan mempunyai kemudahan sampan kayuh, kayak, taman permainan kanak-kanak, padang padang menunggang kuda dan pancutan air berirama. Terdapat juga gelanggang tenis, kompleks sukan, dewan skuasy dan lain-lain kemudahan.

Taman Tasik Titiwangsa mempunyai keluasan iaitu 46.13 hektar atau 114 ekar yang terletak 3 km dari pusat bandar dan dibuka den Februari 1980 oleh Perdana Menteri Allahyarham Tun Hussein Onn, sebelumnya dinamakan Taman Jalan Kuantan. Nama Taman Tasik Titiwangsa memandangkan Titiwangsa adalah banjaran gunung yang menjadi tulang belakang Semenanjung Malaysia. Nama tersebut dirasakan sesuai kerana pemandangan tanah datar kawasan taman itu serta kehijauannya menggambarkan suasana pemandangan dan iklim banjaran gunung tersebut. Kerja-kerja membinanya telah bermula pada tahun 1975 dan akan dilengkapi dengan berbagai kemudahan sukan seperti kolam renang, gelanggang tenis, rumah kelab, padang permainan dan lain-lain.

Tak sabar nak tengok Taman Tasik Titiwangsa BARU!



Pasar Seni

SEP 29, 2022 2,333 BACAAN

ANDA MUNGKIN BERMINGAT



Bangunan Sultan Abdul Samad

OGS 04, 2022 6,717 BACAAN



Masjid Jamek

OGS 04, 2022 1,950 BACAAN

CATATAN POPULAR

Taman Tasik Titiwangsa

Pengisytiharan ini dibuat bersempena dengan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan yang ke-6. Pelbagai acara sukan, kebudayaan dan kesenian sempena sambutan ini sama ada di taman itu sendiri atau pun di tempat-tempat lain di Wilayah Persekutuan. Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Latiff yang turut hadir berharap Taman Tasik Titiwangsa menjadi kemegahan Kuala Lumpur dan dapat memenuhi keperluan para penduduk di sekitarnya seperti di Ulu Kelang, Datuk Keramat, Kampung Bharu, Jalan Pekeliling, Jalan Pahang, Sentul, Setapak, Gombak dan Batu Caves. Sempena itu, Perdana Menteri berkata dengan nama yang baik akan tercapailah hasrat dan cita-cita kerajaan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar yang maju. Dengan adanya Taman Tasik Titiwangsa ini masyarakat Kuala Lumpur tidak lagi akan tertumpu di satu-satu taman sahaja untuk beriadah pada minggu dan musim cuti. Kawasan ini merupakan kawasan yang semulajadi di mana terdapat kolam bekas lombong dan kawasan lapang untuk tanam pokok-pokok bunga dan pokok-pokok rendah.

Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah giat membangunkan kawasan lombong yang terbiar disamping menyediakan tempat rehat, lapangan dan perumahan untuk menggalakan aktiviti rekreasi di kalangan semua peringkat penduduk di sekitar wilayah Persekutuan. Pada tahun 2019 taman ini telah dinaiktaraf sepenuhnya dengan menerapkan pelbagai elemen yang bersesuaian untuk warga kota datang beriadah. Taman Tasik Titiwangsa menjadi ikon utama yang mesti dikunjungi para pelancong dari dalam dan luar negara jika berada di Kuala Lumpur.

Pelan Taman Tasik Titiwangsa_Nama Bangunan

Selain daripada aktiviti riadah dan rekreasi, Taman Tasik Titiwangsa juga menjadi pilihan lokasi bagi jurugambar untuk 'outdoor shooting' kerana pemandangannya sangat tenang dan cantik dengan berlatar belakangkan bangunan pencakar langit. Maka, tidak hairanlah apabila Taman Tasik Titiwangsa menerima Second Place Gold di International Awards for Liveable Communities 2021 di bawah Technology and Solution category.

Dataran Merdeka

OGS 04, 2022 13,602 BACAAN

Taman Tasik Titiwangsa

JUL 13, 2022 11,371 BACAAN

Bangunan Sultan Abdul Samad

OGS 04, 2022 6,717 BACAAN

Pasar Seni (Sultan Abdul Samad)

Bagi mereka yang berminat untuk menganjurkan aktiviti secara 'outdoor' seperti aktiviti Hari Keluarga, Penggambaran dan lain-lain, sila hubungi pejabat perancangan dan tempahan melalui Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi di talian 03-26176386 /6402.

Taman Permainan

Peralatan di taman permainan memenuhi keperluan pengguna di pelbagai peringkat umur, dan ia sangat sesuai untuk kanak-kanak. Pada tahun 2019, pasukan projek menjemput beberapa keluarga dan anak-anak mereka untuk menguji taman permainan tersebut.

Waktu taman dibuka adalah bermula dari jam 6.00 pagi hingga 7.00 malam setiap hari. Para pengunjung diharap dapat mematuhi Undang-Undang Kecil Taman 2012 untuk memastikan keselesaan semua.




Maze Garden

Laman Kerawang atau 'Maze Garden' di Taman Tasik Titiwangsa adalah taman pagar sesat yang diilhamkan oleh konsep dijumpai di wilayah Nusantara. Ketinggian tanaman pagar ini ialah 1.2 meter dan di celah-celah pokok, menjadi lebih menarik pada waktu malam.



Banjaran Walkway

Sebelum malam, sudut Banjaran Titiwangsa paling memukau dengan keindahan cahaya dengan 'canopy walk' yang dibina daripada pelantar kayu sepanjang lebih 100 meter. Bahagian bawahnya terdapat aliran jeram mini yang deruan airnya mampu menghilangkan tekanan selepas seharian bekerja. Pelbagai spesies pokok seperti pokok pain dan ru menjadikan suasana seperti berada di luar negara. Jika anda berkunjung ke sini pada waktu pagi, terdapat kabut yang keluar daripada bahagian bawah. Pemandangan sejuk itu bagi menterjemahkan suasana di Banjaran Titiwangsa yang hijau dan dingin.



EPILOG

Dengan landskap tebing sungai yang indah dan laluan pejalan kaki yang luas, kawasan River of Life telah menarik perhatian ramai pengunjung, terutamanya peminat sukan. Tarikan ini akan terus berkembang, memandangkan pasukan projek ROL secara aktif terlibat dengan orang ramai melalui Public Outreach Program yang bertujuan untuk mendidik orang ramai untuk melindungi sungai-sungai kita.

Projek ROL telah menerima banyak anugerah antarabangsa, memenangi anugerah emas dalam kategori Technology and Solution for Liveable Communities 2021. Pingat emas pertama telah dianugerahkan kepada ROL Precinct 7, yang meliputi Dataran Merdeka dan Dayabumi, dan kerja-kerja menaik taraf untuk Taman Tasik Titiwangsa yang menerima pingat emas kedua.

Tag: [Tempat](#)

Kongsi ini: [f](#) [t](#) [in](#)



ROL Admin

Transforming Sungai Klang and Sungai Gombak into dynamic & livable waterfront icons with high economic value.



SIARAN BERKAITAN

Pengalaman anda di halaman ini akan dipertingkatkan dengan membenarkan kuki. [Cookie Policy](#)

Pasar Seni

SEP 29, 2022 2,333 BACAAN

TAG

ANDA MUNGKIN BERMINTA



[Bangunan Sultan Abdul Samad](#)

OGS 04, 2022 6,717 BACAAN



[Masjid Jamek](#)

OGS 04, 2022 1,950 BACAAN

CATATAN POPULAR

[Dataran Merdeka](#)

OGS 04, 2022 13,602 BACAAN

[Taman Tasik Titiwangsa](#)

JUL 13, 2022 11,371 BACAAN

[Bangunan Sultan Abdul Samad](#)

OGS 04, 2022 6,717 BACAAN

[Pasar Ma' Abdul R](#) ['an Tu' AR\)](#)